

باب بيان تحريم إيذاء الجار

*Bab Haram Menyakiti Jiran Tetangga.*¹⁶⁹

٣٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ لَا يَأْمَنُ جَارَهُ بَوَائِقَهُ

37- Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tidak akan masuk syurga¹⁷⁰ orang yang jirannya tidak berasa selamat daripada kejahatan-kejahatannya.”¹⁷¹

¹⁶⁸ Seseorang mu'min yang sempurna imannya akan suka dan gembira jika saudara seagamanya atau jirannya memperolehi apa-apa yang baik berupa kejayaan, keuntungan, kemuliaan dan lain-lain seperti ia sendiri suka dan gembira jika memperolehinya. Di dalam hatinya langsung tidak ada ruang untuk perasaan dengki dan iri hati terhadap saudara seagama atau jiran tetangga.

¹⁶⁹ Demikianlah tajuk bab yang dibuat Qadhi 'Iyaadh dan an-Nawawi di sini. al-Ubbi dan as-Sanusi membuat tajuk yang berbunyi: باب إكرام الجار (Bab Memuliakan Jiran Tetangga), al-Qurthubi pula membuat tajuk yang berbunyi: باب حسن الجوار وإكرام الضيف من الإيمان (Bab Berjiran Dengan Baik Dan Memuliakan Tetamu Adalah Sebahagian Daripada Iman), al-Itsyubi pula membuat tajuk yang berbunyi: باب عدم إيمان من يخاف جاره ضرره (Bab Tentang Ketiadaan Iman Orang Yang Jirannya Takutkan Kejahatannya).

¹⁷⁰ Ada dua kemungkinan untuk orang berkenaan tidak masuk syurga. Sama ada di tempat ini atau di tempat-tempat lain seumpamanya: (1) Sekiranya dia menganggap perbuatan jahatnya itu halal, di samping dia memang telah mengetahui tentang keharamannya, maka dia menjadi kafir dan tidak akan masuk syurga sama sekali. (2) Dia tidak akan dapat memasuki syurga bersama-sama orang lain ketika mereka memasukinya sebaik saja pintu-pintunya dibuka. Masuknya lewat, setelah sekian lama orang-orang lain memasukinya. Andai kata dia dapat masuk syurga dengan cepat sekalipun, tentunya setelah dihukum atau dimaafkan oleh mangsa kejahatannya. Kedua-dua ta'wilan ini dibuat berdasarkan i'tiqad golongan yang benar (Ahli as-Sunnah Wa al-Jama'ah), bahawa sesiapa yang mati atas tauhid, dalam keadaan berterusan melakukan dosa-dosa besar, nasibnya terserah kepada Allah s.w.t. Allah mungkin mengampuninya dan memasukkannya ke dalam syurga dengan cepat. Mungkin juga Allah memasukkannya ke dalam syurga setelah dihukum terlebih dahulu.

¹⁷¹ Menurut Qadhi 'Iyaadh, orang yang jirannya tidak berasa selamat daripada kejahatan-kejahatannya adalah perderhaka yang dijanjikan neraka. Ia tidak akan masuk syurga sebelum disiksa terlebih dahulu di dalam neraka kerana kejahatannya, kecuali kalau ia diampuni Allah. **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Syurga adalah idaman sebenar seorang Islam. (2) Orang Islam haruslah merasa ingin untuk melakukan apa saja sekiranya dijanjikan syurga. Demikian juga, dia seharusnya merasa takut untuk melakukan apa saja sekiranya dijanjikan neraka. (3) Orang Islam tidak dibenar melakukan kejahatan terhadap sesiapa pun, termasuklah terhadap dirinya sendiri. (4) Jiran tetangga haruslah dihormati dan hak-hak mereka tidak boleh dicabuli. (5) Ancaman diberikan untuk menghindarkan manusia daripada

٣٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِي جَارَهُ وَمَنْ كَانَ

يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُتَّقِلْ خَيْرًا أَوْ لَيْسَ كُنْتُ

38- Abu Hurairah meriwayatkan, katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa yang (benar-benar) beriman kepada Allah dan hari akhirat, janganlah dia menyakiti jirannya. Sesiapa yang (benar-benar) beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan tetamunya.¹⁷² Sesiapa yang (benar-benar) beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata yang baik-baik atau diam saja.”¹⁷³

melakukan kejahatan. (6) Menimbulkan kebimbangan orang ramai saja sudah dikira menyakiti mereka. (7) Keharusan memberikan ancaman dalam bentuk yang lebih menakutkan daripada yang sebenarnya. (8) Seseorang Islam hendaklah memastikan orang ramai tidak berasa takut terhadapnya. (9) Agama Islam menyeru kepada sebuah kehidupan masyarakat yang aman damai dan tenteram.

¹⁷² Kata Qadhi ‘Iyaadh, maksud hadits ini ialah sesiapa yang berpegang teguh dengan syari’at Islam, wajiblah dia memuliakan dan berbuat baik kepada tetangga dan tetamunya. Kerana itu adalah hak tetangga yang harus dijaga dan dilaksanakan. Allah telah berpesan supaya berbuat baik kepadanya di dalam al-Qur’an. Rasulullah s.a.w. juga telah bersabda: مَا زَالَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ يُوَصِّينِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورِثُهُ Bermaksud: “Jibril a.s. terus berpesan kepadaku supaya berbuat baik kepada tetangga sehingga aku ingat dia akan menjadikannya sebagai pewarisku.” Menerima tetamu termasuk antara etika Islam dan sifat para nabi serta orang-orang saleh.

¹⁷³ Maksudnya ialah apabila seseorang hendak bercakap, maka biarlah ia bercakap tentang sesuatu yang diyakininya baik dan mendatangkan pahala. Sama ada berupa perkara wajib atau sunat. Kalau sesuatu yang akan diucapkannya itu tidak baik dan tidak mendatangkan pahala, maka hendaklah dia menahan diri daripada memperkatakannya. Ini kerana ucapan seseorang manusia itu dicatat oleh malaikat Raqib dan ‘Atid. Allah berfirman di dalam al-Qur’an:

مَا يَلْفُظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Bermaksud: Tiada suatu ucapanpun yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat Pengawas yang sentiasa hadir. (Qaaf:18).

Para ‘ulama’ berbeda pendapat, adakah semua yang diucapkan oleh seseorang manusia itu akan dicatat meskipun ia harus, tidak mengandung pahala ataupun dosa? Ibnu ‘Abbaas dan lain-lain berpendapat bahawa yang dicatat hanyalah ucapan yang mengandungi dosa atau pahala, bukan yang diharuskan. Bagaimanapun syari’at telah menganjurkan kita menahan diri daripada perkara-perkara yang harus agar pelakunya tidak terseret kepada perkara-perkara haram atau makruh. Imam as-Syafi’i berpendapat, ma’na hadits ini ialah apabila seseorang hendak bercakap, dia hendaklah berfikir terlebih dahulu. Jika apa yang hendak dicakapkannya itu tidak membahayakan dirinya, bolehlah dia bercakap. Jika yang akan dicakapkannya itu mengandungi bahaya atau ia meragukannya, maka hendaklah dia diam. Al-Imam ‘Abdullah bin Abi Zaid al-Maliki berkata, semua tatasusila dan akhlak yang mulia terkandung di dalam empat hadits berikut: (1) Hadits

٣٩- عَنْ أَبِي شُرَيْحٍ الْخُرَازِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُحْسِنِ إِلَى جَارِهِ وَمَنْ

كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُقِمْ خَيْرًا أَوْ لِيَسْكُتْ

39- Abu Syuraih al-Khuza'i¹⁷⁴ meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Sesiapa yang (benar-benar) beriman kepada Allah dan hari akhirat, dia hendaklah berbuat baik

yang sedang berada di hadapan kita sekarang. (2) Sabda Nabi s.a.w. *من حسن إسلام المرء تركه ما لا يعنيه* Bermaksud: Antara tanda keelokan Islam seseorang ialah ia meninggalkan apa yang tidak berfaedah kepadanya. (3) Pesan Rasulullah s.a.w. kepada orang yang meminta nasihat yang ringkas daripada Baginda, bahawa: *لا تغضب* Bermaksud: Jangan marah! Dan (4) Sabda Rasulullah s.a.w.: *لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه أو قال لجاره ما يحب لنفسه* Bermaksud: “Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga dia suka untuk saudaranya apa yang dia suka untuk dirinya.” **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Iman itu mempunyai banyak peringkat, daripada sebaik-baik iman hinggalah selemah-lemahnya. (2) Orang muslim hendaklah berusaha membawa imannya ke tahap yang terbaik. (3) Kepercayaan kepada Allah dan hari akhirat akan menyebabkan seseorang itu menjadi seorang manusia yang baik. (4) Jiran tetangga mestilah dihormati dan tidak boleh disakiti, sama ada secara fizikal atau mental, sama ada secara langsung atau tidak langsung. (5) Jiran adalah orang yang paling hampir dengan seseorang selepas ahli keluarganya, oleh itu menyakiti mereka adalah satu perbuatan yang sangat tidak bertanggungjawab. (6) Dengan menyakiti jiran, seseorang itu secara tidak langsung telah memburukkan imej ahli keluarganya dan menjauhkan mereka daripada masyarakat sekeliling. (7) Agama Islam mengajarkan penganut-penganutnya supaya membantu orang yang berada dalam kesusahan. (8) Tetamu haruslah dimuliakan dan dilayan dengan baik. (9) Memberi layanan yang buruk kepada tetamu akan menyebabkan mereka tidak lagi mahu berkunjung ke rumah seseorang. Ia secara tidak langsung akan memutuskan hubungan silaturrahim sesama manusia. (10) Lidah adalah salah satu anggota yang boleh menguntungkan tuannya atau menjahanamkannya, di dunia atau di akhirat. (11) Kepentingan menjaga lidah diberikan keutamaan kerana ia adalah satu anggota yang paling cepat dan paling mudah untuk bertindak, sama ada ke arah kebaikan atau ke arah kejahatan. Adakalanya ia sukar untuk dikawal, tidak seperti anggota badan yang lain. (12) Sesuatu yang sukar dikawal perlulah diberikan keutamaan berbanding sesuatu yang mudah dikawal.

¹⁷⁴ Ada yang mengatakan nisbah beliau ialah al-'Adawi, ada yang mengatakan al-Ka'bi. Nama sebenar beliau ialah Khuwailid bin 'Amar bin Shakhr bin 'Abdil 'Uzza bin Mu'aawiah bin al-Muhtarisy bin 'Amr bin Zimmaan bin 'Adi bin Rabi'ah, saudara Bani Ka'ab bin 'Amar bin Rabi'ah. Ada yang mengatakan nama beliau ialah 'Amar bin Khuwailid. Ada pula yang mengatakan 'Abdul Rahman dan dan lain-lain lagi. Bagaimanapun yang paling tepat ialah yang pertama tadi. Beliau adalah seorang sahabat Nabi. Memeluk agama Islam pada hari pembukaan Mekah. Abu Syuraih adalah pemegang salah satu bendera Bani Ka'ab. Terbilang sebagai salah seorang sahabat dari kalangan penduduk Hijaz. Beliau telah meriwayatkan dua puluh (20) hadits. Dua daripadanya telah sama-sama dipilih oleh Bukhari dan Muslim. Masing-masing daripada Bukhari dan Muslim telah bersendirian dalam meriwayatkan satu hadits daripada beliau. Kata Ibnu Sa'ad, Abu Syuraih meninggal dunia pada tahun 68H.

kepada jirannya. Sesiapa yang (benar-benar) beriman kepada Allah dan hari akhirat, dia hendaklah memuliakan tetamunya. Dan sesiapa yang (benar-benar) beriman kepada Allah dan hari akhirat, dia hendaklah berkata yang baik-baik atau diam saja.”¹⁷⁵

بَابُ وَجُوبِ إِزَالَةِ الْمُنْكَرِ بِالْقَدْرِ الْمُسْتَطَاعِ وَأَنَّ إِزَالَتهُ مِنَ الْإِيمَانِ

*Bab Kewajipan Menghilangkan Kemungkaran Sedapat Mungkin Dan Usaha Menghilangkannya Adalah Sebahagian Daripada Iman.*¹⁷⁶

¹⁷⁵ Hadits Abu Syurairh ini dan hadits Abu Hurairah sebelumnya diulangi Rasulullah s.a.w. dalam bentuk ayat syarat (جملة شرطية) sebagai isyarat kepada ketiga-tiga ayat syarat yang tersebut di dalamnya memang dimaksudkan secara berasingan dan perlu diberikan perhatian khusus kepada tiap-tiap satu daripadanya. Kerana kalau Baginda s.a.w. berkata begini saja: مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُحْسِنْ إِلَى جَارِهِ وَلْيُكْرِمْ صَنِيفَهُ وَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَسْكُتْ (Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, dia hendaklah berbuat baik kepada tetangganya, memuliakan tetamunya dan berkata yang baik-baik atau diam saja), itupun sudah menyampaikan maksud asasnya. **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Berbuat baik kepada jiran tetangga adalah perintah agama. (2) Memuliakan tetamu juga termasuk dalam perintah agama. (3) Agama Islam menyeru kepada kehidupan bermasyarakat yang aman dan harmoni, dengan cara menawarkan ganjaran yang istimewa kepada orang baik yang disenangi masyarakatnya dan menjanjikan ancaman yang menakutkan kepada orang jahat yang membuatkan masyarakatnya berada dalam ketakutan dan kebimbangan. (4) Silaturrahim (hubungan persaudaraan, kekeluargaan dan persahabatan) perlu sentiasa dijaga dengan baik. (5) Umat Islam digalakkan supaya membantu dan menyediakan kemudahan untuk manusia melakukan kebaikan. (6) Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata-kata buruk padahnya. (7) Menjaga lidah dan tingkah laku ada kaitannya dengan kepercayaan kepada Allah dan hari akhirat. Seorang mu'min sejati akan menjaga kedua-duanya sebaik mungkin.

¹⁷⁶ Tajuk bab yang dibuat Qadhi `Iyaadh, an-Nawawi dan yang terdapat di dalam kebanyakan matan Sahih Muslim ialah: بَابُ بَيَانِ كَوْنِ النَّهْيِ عَنِ الْمُنْكَرِ مِنَ الْإِيمَانِ وَأَنَّ الْإِيمَانَ بَابُ مَنَعَ الْإِيمَانَ (Bab Mencegah Kemungkaran Adalah Sebahagian Daripada Iman. Iman Bertambah Dan Berkurang. Amar Ma'ruf Dan Nahi Munkar Itu Wajib Kedua-Duanya). Al-Ubbi membuat tajuk begini: بَابُ أَحَادِيثِ تَغْيِيرِ الْمُنْكَرِ (Bab Hadits-Hadits Tentang Mengubah Kemungkaran). As-Sanusi membuat tajuk: بَابُ تَغْيِيرِ الْمُنْكَرِ (Bab Tentang Mengubah Kemungkaran). Al-Qurthubi pula di sini